

No. Soalan:53
PR – 1323 – L63678

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]

TARIKH : 14 OKTOBER 2014

SOALAN : Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan perkhidmatan permohonan visa sekurang – kurangnya bagi negara – negara Komanwel tertentu di semua Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang terpilih di negara ini

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian berpendapat tiada keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan visa di pusat UTC ini kerana permohonan visa ke luar negara perlu dikemukakan terus oleh pemohon yang berhasrat untuk ke luar negara ke pejabat - pejabat kedutaan dan pejabat konsulat jeneral negara berkenaan. Namun, cadangan tersebut akan dipertimbangkan sekiranya mendapat cadangan daripada dari mana – mana negara luar.

2. Untuk makluman, permohonan visa ke luar negara tertakluk kepada undang – undang sesebuah negara tersebut dan pemohon tersebut harus memenuhi syarat – syarat permohonan yang dikenakan oleh negara yang hendak dikunjungi. Adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Malaysia untuk mencampuri undang – undang dan syarat – syarat yang telah ditetapkan oleh sesebuah negara.

Sekian, terima kasih.